
Rapporteur's Report – Malaysia Freedom Summit 2019

INSTITUTE *for* LEADERSHIP
& DEVELOPMENT STUDIES

Enabling Market Solutions



LAPORAN SESI UCAPTAMA

Tajuk Perbincangan:

Shared Prosperity: Inclusive Development for Malaysia

Kemakmuran Bersama: Pembangunan Inklusif untuk Malaysia

Speaker:

Dr. Madeline Berma

Objektif Perbincangan:

Pihak kerajaan Malaysia telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang merupakan kelangsungan kepada Wawasan 2020 dan hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021-2030. Wawasan ini bertujuan melonjakkan ekonomi negara ke arah berpendapatan tinggi, memperkasa kuasa beli masyarakat dan mengurangkan jurang pendapatan serta pembangunan antara kelas, kaum dan wilayah. Seterusnya, memacu pembangunan ekonomi yang inklusif, menyuburkan perpaduan dan menstabilkan sistem demokrasi di Malaysia. Wawasan ini memerlukan strategi dan pelan tindakan yang sistematik agar dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Bagi melaksanakan wawasan ini, pihak kerajaan akan merangka langkah-langkah strategik di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Namun, pihak kerajaan memerlukan kerjasama yang bersepadu dari pelbagai pihak dan pemegang taruh agar objektif WKB2030 mampu difahami oleh setiap peringkat masyarakat. Justeru, perbincangan kemakmuran bersama harus dibumikan agar masyarakat memahami dan terlibat secara langsung dalam pembuatan dasar.

Secara ringkas, sesi ini mengetengahkan:

- i. idea kemakmuran bersama serta kepentingannya dan
- ii. konsep pembangunan inklusif di Malaysia

LAPORAN SEMASA SESI BERLANGSUNG

1. Idea utama daripada pembentang
 - a. Kemiskinan dan miskin bandar**

Isu gelandangan yang membimbangkan di Kuala Lumpur
Kemiskinan perlu dikaji di peringkat akar umbi
Model canggih yang rumit hanya menunjukkan wujudnya masalah kemiskinan
Walaupun statistik telus, namun kadangkala ahli statistik tidak
 - b. Malaysia dan kepompong pendapatan sederhana**

Isu gaji untuk sara hidup
 - c. Dasar Ekonomi Baru (DEB) / New Economic Policy (NEP):
pencapaian dan cabaran**
 - d. Euforia Malaysia Baharu**

Harapan yang tidak realistik terutamanya dalam kalangan golongan muda yang kurang sabar dalam menginginkan perubahan
 - e. Wawasan Kemakmuran Bersama / Shared Prosperity Vision
2030 (SPV)**

SPV adalah penjenamaan semula DEB & Dasar Pembangunan Baru seperti kata pepatah 'old wine in new bottle'
pendekatan untuk memperkuat kestabilan politik, meningkatkan kesejahteraan negara dan mengekalkan perpaduan dalam mewujudkan kepelbagaian etnik dan budaya sebagai asas negara
menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030
memacu Malaysia untuk menjadi negara yang membangun secara mampan dan mencapai pengagihan ekonomi yang adil
2. Cabaran yang dihadapi
 - a. Pengagihan pendapatan dan kekayaan**

Hasil daripada pertumbuhan ekonomi sebahagian besarnya hanya dapat dinikmati oleh golongan kapitalis
Jurang pendapatan purata isi rumah antara T20, M40 dan B40, dengan M40 menanggung beban kemiskinan paling banyak

Gaji median yang rendah dalam kalangan rakyat dan ramai yang tidak mempunyai aset kewangan

77% isi rumah tidak mempunyai wang simpanan

1 daripada 3 orang tidak mempunyai jaringan keselamatan sosial

Bumiputera Sabah dan Sarawak paling memerlukan bantuan – isu berkaitan tanah masih berleluasa

b. Kekurangan dalam pelaksanaan DEB

Selepas tiga dekad pelaksanaan DEB, negara masih jauh ketinggalan dalam mencapai peratus penyertaan Bumiputera (30%), bukan Bumiputera (40%) dan pelabur asing (30%). Buat masa ini, penyertaan Bumiputera Cuma 16% Ini menimbulkan persoalan daripada segi segi pelaksanaan DEB Apakah peranan yang dimainkan oleh GLC?

c. Polarisasi disebabkan oleh sistem pendidikan

Malaysia mempunyai 9 aliran pendidikan, berbanding Singapura cuma 2 aliran

Sekolah-sekolah awam dikuasai (atau dianggap) pegangan orang Melayu, agama Islam dan UMNO

Sesetengah tradisi dan kebudayaan mulai lenyap terutama dalam kalangan penduduk pribumi di Sabah dan Sarawak.

3. Cadangan dan rekomendasi

a. Perlu mengkaji semula garis kemiskinan untuk menangani jurang pendapatan dan kekayaan.

Perpaduan dalam kepelbagaian adalah penting; perlu ada naratif baru. Ini berpotensi dicapai melalui SPV yang baru diperkenalkan.

Forum Utama: Keadaan Kebebasan di Malaysia

DAPATAN PERBINCANGAN SESI

Bahagian ini merincikan dapatan semasa forum *The State Freedom in Malaysia* (Keadaan Kebebasan di Malaysia). Bahagian ini dibahagikan kepada empat bahagian mengikut sesi: (i) sesi pusingan pertama, (ii) sesi pusingan kedua, (iii) sesi soal jawab dan (iv) sesi kesimpulan.

Hasil Perbincangan Forum 'The State Freedom in Malaysia'

Forum ini pada asasnya menampilkan tiga sudut pandang: Prof Madya Dr Nik Salida yang membawa naratif Islam dalam perbincangan hak asasi manusia dalam kapasiti beliau sebagai wakil SUHAKAM, Dr Mohd Nadzri yang membawa naratif akar sosial untuk melatari pemahaman tentang hak asasi manusia, dan Clement Ong daripada LEAD yang menumpukan aspek manusia sebagai ejen utama dalam kebebasan dan hak asasi, berbanding negara.

Pusingan Soalan	Pembicara	Pandangan utama
Pandangan asas dalam melihat soal kebebasan dan hak asasi	Prof Madya Dr Nik Salida (SUHAKAM)	Beliau memberi penekanan kepada: <ul style="list-style-type: none"> a) had kuasa dalam memberi kebebasan antara negara adalah untuk menjaga keharmonian antara-bangsa b) sifat hak asasi (UDHR) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang bersifat tidak mutlak dan tidak terperinci – hal ini memberi ruang kepada negara untuk menginterpretasi apa yang perlu dibuat di atas asas yang diberi oleh PBB
	Dr Muhamad Nadzri (UKM)	Beliau membicarakan soal-soal yang memberikan latar kepada perbincangan: <ul style="list-style-type: none"> a) konteks perbicaraan kebebasan dan hak asasi dalam fasa peralihan negara kini dengan struktur pemerintahan PH yang baru – hal ini boleh dilihat sama ada positif atau negatif b) Menariknya, soal kebebasan ini tidak semata perlu dilihat secara struktural tetapi substantif – kebebasan akan ada dengan adanya kesaksamaan.
	Clement Ong	Beliau memberi timbal balas untuk mempertanyakan semula apa kebebasan yang kita fahami: <ul style="list-style-type: none"> a) Kebebasan tidak perlu tertakluk kepada negara (kurang seperti disentuh oleh Dr Nazri), sebaliknya rakyat sendiri perlu memahaminya dan tidak semata menyerahkan kuasa itu kepada kerajaan b) Kebebasan di Asia membawa konotasi berbeza berbanding di negara-negara Barat

Sesi pusingan pertama

Pusingan pertama forum dibuka dengan moderator, saudara Tarmizi Anuwar, bertanyakan tentang pandangan asas para pembicara tentang topik, iaitu kebebasan negara.

Semasa pusingan pertama, Prof Madya Dr Nik Salida membuka perbincangan dengan mengaitkan bahawa kebebasan dalam lingkung hak asasi ini adalah suatu perkara besar dan berkait dengan hubungan antara negara di mana beliau mengaitkan dengan UN Charter October di mana adanya **had kepada kebebasan negara** untuk menjaga harmoni antarabangsa supaya kuasa terkawal. Beliau berkongsi tentang satu klausa dalam hak asasi di mana adanya prosedur pentadbiran (*administrative procedure*) demi meletakkan ruang lingkup dalam kebebasan ini, misalnya, dalam Deklarasi Hak Asasi 1948, dinyatakan oleh beliau bahawa hak asasi ini bukan semata untuk individu tetapi untuk negara. Justeru, beliau memberi penekanan bahawa apa yang sebenarnya sesuatu negara perlu lakukan kerana Deklarasi ini tidak terperinci. Namun Deklarasi ini berkaitan dengan, misalnya, beberapa bahagian dalam perlembagaan negara kita, seperti Perkara 2 dan Perkara 5 hingga Perkara 13. Deklarasi yang tidak terperinci ini lalu dipecahkan kepada ICCPR dan ICESR yang mana Malaysia tidak berada di dalamnya. Walaupun begitu, kedudukan Malaysia dalam senarai kedamaian global adalah baik, meski tanpa rincian Deklarasi seperti ICCPR dan ICESR.

Walaupun bagaimanapun, beliau menyimpulkan yang disebabkan keterbukaan hak asasi manusia PBB ini, kita tidak tahu sebetulnya siapa yang akan mendapat kebebasan yang diperkatakan ini dan siapa yang pula memberi kebebasan, justeru, menunjukkan bahawa **sifat hak asasi ini tidak mutlak**.

Dr Nadzri menyambung dengan meletakkan konteks sepanjang setahun Pakatan Harapan (PH) memerintah dan secara praktiknya, mungkin terdapat perubahan daripada segi struktur dan kebebasan. Keadaan ini perlu dilihat daripada dua segi: sama ada kebebasan itu bersifat positif (misalnya, kebebasan yang diberi negara kepada rakyat untuk berhimpun) dan negatif (misalnya, negara merendahkan kawalan kebebasan). Namun, yang lebih tepat, kebebasan ini bukan sahaja perlu bersifat prosedural tetapi substansif – di mana apabila ada **kesaksamaan**, baru akan ada kebebasan (kerana menurut beliau, kebebasan boleh menjadi alat berbanding matlamat politik). Kesaksamaan belum tersebar, misalnya, dalam politik masih berlaku dikotomi antara golongan majoriti dan minoriti yang mana ada hubungan dengan kaum, dan kelas, sekali gus, dengan tiadanya kesaksamaan ini, rakyat tidak dapat mempraktikkan kebebasan.

Justeru, beliau melihat bahawa kebebasan sebenar ialah kebebasan ekonomi dan sosial dan **kebebasan sentiasa beradaptasi mengikut apa yang terjadi dalam konteks sosial dan ekonomi**. Kebebasan dapat dilihat dengan respon negara, misalnya dalam konteks sejarah,

apabila dilaksanakan darurat pada 1948, negara bersifat lebih drakonian dalam menterjemah Perkara 5 dan 13, adanya ISA, di sini, kebebasan dapat dilihat direspon oleh negara dengan agak terbatas. Namun apabila datangnya modernisasi, ruang sivil semakin besar dan kebebasan pun luas dengan adanya gerakan-gerakan mahasiswa yang bebas bersuara dan berhimpun, bermula sekitar 50-an dengan partisipasi pelajar bermula. Di sini, negara dilihat berinteraksi modenisasi ruang sivil dengan merespon pula: pada 1971, kebebasan dikawal dengan AUKU. Hal yang sama apabila media semakin bebas, negara merespon dengan Akta Media Cetak. Negara sentiasa merespon sama ada dalam bentuk membolehkan atau menghalang, misalnya lagi pada 2018, perubahan dimungkinkan dengan menubuhkan pakatan meluas dan *representative*, gabungan ini memberi gambaran lebih dekat tentang rakyat di Malaysia. Namun, dalam soal ICERD, negara merespon dengan menarik balik ICERD kerana dalam Perkara 8 Perlembagaan yang ditekan oleh warga dalam kerajaan sendiri.

Justeru beliau mencadangkan **untuk adanya satu garis panduan yang lebih jelas** untuk memastikan kebebasan ini boleh diurus dengan lebih objektif, kerana menurut beliau kini negara sedang dalam fasa demokrasi yang lemah (*weak democracy*) tetapi mungkin negara masih dalam fasa peralihan, jadi ruang ini dilihat untuk memperbaiki hal ini juga.

Clement merespon dengan meletakkan fokus kebebasan ini kepada rakyat, berbanding negara mahupun untuk bicarakan kebebasan tentang kerajaan sekarang. Kebebasan adalah apa yang rakyat itu sendiri mahukan dan apa yang kita sebagai rakyat fahami tentangnya. Namun, di Malaysia, keadaan selalu melihatkan bahawa kita tidak meletakkan kebebasan menurut konteks undang-undang dan perlembagaan namun lebih kepada konteks pemimpin – siapa yang memimpin, pada rakyat, akan diserahkan tanggungjawab ini. Ini beliau kaitkan juga dengan bagaimana warga Asia memahami kebebasan berbeza dengan warga Barat, misalnya daripada segi kita melihat kerajaan, monarki, kebebasan bersuara dan sebagainya. Beliau turut menambah pemerhatian tentang kebebasan negara di Malaysia di mana pihak yang membawa idea kebebasan itu kini adalah kerajaan di mana berbeza di luar negara selalunya dipegang oleh pembangkang. Kini, pembangkang lebih konservatif daripada kerajaan dan dengan keadaan warga Malaysia bahagia dengan kerajaan kini, kebebasan dilihat bukan daripada rakyat, tetapi diserahkan kepada kerajaan.

Sesi pusingan kedua

Pada pusingan kedua, moderator meneruskan sesi dengan bertanyakan soalan yang lebih spesifik kepada pembicara secara individu. Untuk Prof Madya Dr Nik Salida, moderator bertanyakan soal jambatan Islam dan hak asasi serta kebebasan serta usaha SUHAKAM dalam menjambatani Islam dan hak asasi yang sering dilihat negatif ini.

Prof Madya Dr Nik Salida merespon dengan menyatakan bahawa sebagai perbandingan antara kajian hak asasi dan hak dalam Islam, sebenarnya Islam mempunyai maksud 'haqq' yang lebih luas iaitu 18 berbanding hak dalam dunia moden iaitu sebanyak 4 maksud sahaja – di sini, menurut beliau, Islam mungkin lebih holistik. Beliau menggariskan juga bagaimana Piagam Madinah sudah ada mengasaskan dan diadaptasi dalam Deklarasi – Perkara 1 dikait dengan hak menerima wang tebusan darah dalam Piagam Madinah di mana jika ada ahli keluarga dibunuh, keluarga mangsa boleh terima wang tebusan daripada pesalah iaitu sebanyak 100 unta yang bahagian-bahagiannya berlainan jenis. Secara prinsip jika dibandingkan, Islam melihat hak lebih kepada keadilan dan kebahagiaan, bahkan dalam pendrafan Deklarasi ini sendiri memang ada yang Muslim yang terlibat. Daripada segi usaha, beliau merespon bahawa sudah bermula usaha untuk menjambatani ini di mana SUHAKAM adalah pihak yang menulis skrip khutbah untuk beberapa institusi serta memberi latihan-latihan memahami dalam memahami hak asasi seperti untuk JAWI, JAKIM, Pulau Pinang, Sarawak dan Melaka. Menurut beliau, apa yang dilihat bertentang bukan pada prinsip tetapi implementasi yang mungkin bersalahan: misalnya, antara hak asasi individu dan hak asasi masyarakat yang bersalahan, masyarakat yang perlu diutamakan – namun, secara prinsip, Deklarasi turut mempunyai semangat yang sama dengan hal ini.

Moderator kemudian beralih kepada Dr Muhamad Nadzri di mana beliau bertanya sama ada adakah belanjawan terkini ini *counter narrative* kepada apa yang berlaku selama ini?

Dr Nadzri merespon dengan menyatakan bahawa kerajaan kali ini serius dalam menyelesaikan soal akar sosial yang bercambah selama ini [dalam memastikan kesaksamaan dalam masyarakat untuk memberi kebebasan]. Dalam masyarakat yang plural ini, belanjawan kali ini dilihat untuk menangani persoalan pokok tentang kesaksamaan ekonomi dan sosial yang banyak tergugat sebelum ini dengan adanya kekuatan UMNO dan Melayu yang mungkin menghalang kesaksamaan plural. Namun sejak 2008, pilihan raya umum (PRU) dilihat cuba menggugat naratif ini memandangkan keadaan ekonomi negara yang agak meruncing sejak 2005. Belanjawan ini turut mungkin mampu membawa kesaksamaan ekonomi dengan merapatkan kesenjangan yang ada, dengan melebarkan M40 dan meniruskan T20 dan B40 – dicadangkan untuk membentuk permata ekonomi, berbanding piramid ekonomi.

Akhir sekali, moderator menyoal pembicara ketiga tentang konservatisme yang mungkin bukan sahaja berlaku dalam masyarakat Melayu tetapi yang bukan Melayu.

Clement merespon bahawa dalam masyarakat Cina misalnya, warganya lebih bersifat *self-interest* – apa respon mereka adalah lebih kepada kepentingan diri sendiri. Jadi, keadaan ini sebenarnya lebih terbuka untuk berubah kerana sukar untuk diteka ke arah mana kepentingan peribadi itu akan menyebelah. Beliau memberi contoh dalam isu Jawi yang diperkenal di sekolah-sekolah jenis Cina dan India, di mana golongan Cina membantah hal ini dalam keadaan mereka boleh pula menerima tulisan Jepun jika diperkenalkan dalam pembelajaran. Jadi, soal konservatisme ini patut dilihat dengan lebih baik berbanding menyelimutkan satu cara umum untuk menyelesaikannya.

Sesi soal jawab

Untuk sesi soal jawab, soalan dan respon disusun mengikut soalan untuk pemahaman yang lebih baik.

- a) Kebebasan dan hak-hak terpinggir memandangkan dalam bajet terbaru ini, banyak memberi penekanan kepada minoriti. Penanya iaitu Han juga bertanyakan hak dan kebebasan dalam isu-isu seksualiti misalnya untuk direspon oleh wakil SUHAKAM.

Respon:

Hak asasi adalah untuk manusia seluruhnya. Golongan rentan, istilah yang disebut oleh Prof Madya Dr Nik Salida untuk golongan terpinggir ini, cuba sedaya upaya dibantu selagi dibenarkan undang-undang. Jika undang-undang menghalang, pihak SUHAKAM akan mencadang penambahbaikan. Terdapat 5 hak yang dipertahan untuk mana-mana golongan rentan pun iaitu (i) hak mendapatkan pendidikan, (ii) hak pekerjaan, (iii) hak mendapat akses kesihatan, (iv) hak penjagaan maruah diri (daripada dimomokkan, dihina dan dimalukan) dan (v) hak memiliki harta. Setakat ini SUHAKAM masih menjalankan temu bual dengan golongan LGBT misalnya dalam memahami hal ini dengan lebih baik.

- b) Model untuk diikuti dalam perbincangan hak asasi – jika diikuti kini, nilai-nilai liberalisme banyak diikuti sedangkan cara ini adalah mengikut acuan revolusi Perancis [yang mungkin tidak sesuai dengan negara kita].

Respon Prof Madya Dr Nik Salida: Sebenarnya, tidak ada satu negara yang baik semuanya, untuk dilihat sebagai model yang lengkap, negara yang saksama hak semuanya belum ada.

Respon oleh Dr Nazri: Beliau merespon bahawa Amerika Syarikat yang dilihat sebagai sebuah demokrasi itu sendiri tidak sepenuhnya begitu, bahkan ia ialah negara poligarchy sebenarnya.

Beliau kemudian menarik perhatian dengan bahawa terdapatnya elemen tempatan dan barat dalam hak asasi ini misalnya dengan tertubuhnya jawatankuasa bergerak Anglo-Malay yang datang daripada pelbagai pihak, termasuk British, wakil Raja, wakil tempatan dan India. Elemen hak asasi India ini pula disebut oleh beliau mengikut Amerika Syarikat, jadi sedikit sebanyak pengaruh Barat sudah ada di situ. Namun soalan lebih besar ialah bagaimana kita memaknai apa hak asasi dan kebebasan untuk negara kita dalam kerangka ini, dalam semangat tempatan dan keperluan berbeza.

Respon oleh Clement: Bahawa hak asasi sentiasa melalui evolusi – kadang kala kaedah bottom up boleh membawa cabaran seperti kes di Australia, di mana dalam perbincangan gereja-gereja di sana, mereka menyokong LGBT namun tidak semua, dan yang tidak bersetuju ini memberi kesan kepada keputusan; di Taiwan, sebenarnya terdapat 70% yang membantah, namun, kerajaan dan ahli parlimen mereka meluluskan undang-undang untuk LGBT ini. Menurut beliau, apa pun, *top down* atau *bottom up*, akan sentiasa perlukan usaha berterusan ini untuk membawa perubahan.

Sesi kesimpulan

Setiap pembicara diberi ruang untuk menyimpulkan dan berikut adalah kesimpulan mereka.

Prof Madya Dr Nik Salida:

Menurut beliau, hak asasi sebagai satu instrumen kebebasan, sebenarnya sukar dicari titik temu kerana adanya masalah memahami istilah. Beliau menggariskan tiga misal:

- a) **hak** – sebenarnya ialah tanggungjawab dua hala. Apa hak yang sebelah pihak berikan, memungkinkan hak sebelah itu akan dipenuhi. Jika hak difahami hanya sebagai dan kekebalan, maka tiada siapa pun akan dapat sebarang hak masing-masing.
- b) **ekualiti**: kesaksamaan. Istilah ini juga sensitif, namun ia bukan kesamarataan, sebaliknya kesaksamaan. Ini bermaksud kita merespon dan memberi hak dengan berbeza berdasarkan latar belakang seseorang dan sesuatu golongan itu. (*Treat differently but consider historical background*)
- c) **diskriminasi**: Perbezaan hak dan layanan tetapi tidak sehingga ada kezaliman dan pengabaian.

Dr Nadzri menyimpulkan dengan ringkas bahawa jalan menuju kebebasan ini panjang dan mengingatkan bahawa kita semua tidak boleh terlalu selesa agar keadaan tidak menjadi seperti keadaan lama.

Clement menyimpulkan bahawa dalam ruang kebebasan dan hak asasi ini, kita perlu bersetuju untuk tidak bersetuju. Beliau turut menyatakan bahawa dengan adanya sikap ‘mendengar untuk memahami’, berbanding ‘mendengar untuk membalas’, akan ada perubahan lama-kelamaan. Beliau menegaskan bahawa individu perlu memahami kebebasan kerana kerajaan akan sentiasa berubah juga.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil perkongsian dan perbincangan persidangan ini, secara asasnya, LEAD Malaysia Freedom Summit ini membicarakan banyak hal berkait dengan keadaan terkini masyarakat dan negara, khususnya pasca pembentangan belanjawan.

Sebagai tuntas pelaporan, berikut adalah beberapa poin utama yang diketengahkan dalam forum yang berjalan ini:

Soal kebebasan dan hak asasi ini dilihat kepada beberapa penjuru: hak asasi mempunyai hadnya dalam memastikan keharmonian negara dan masyarakat, namun pandangan ini dibantu juga untuk dilihat latar sesuatu masyarakat di mana kebebasan tidak akan difikirkan jika tiada kesaksamaan ekonomi dan sosial serta politik pada individu dalam masyarakat. Hak asasi dan kebebasan juga ada ditambah untuk turut dilihat daripada aspek individu – di mana rakyat, bukannya negara, untuk mengawal selia kebebasan. Antara pandangan kecil lain, usaha hak asasi ini tiada bercanggah dengan Islam bahkan Islam menjadi *preamble* kepada Deklarasi dan perjuangan hak asasi serta perubahan tentangnya adalah panjang dan berevolusi.

Forum Naratif Kesaksamaan untuk Malaysia Baru

DAPATAN PERBINCANGAN SESI

Laporan ini memperincikan dapatan daripada forum *A New Malaysia's Narrative Towards Equality* (Naratif Kesaksamaan untuk Malaysia Baru). Bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian: (i) sesi pusingan pertama, (ii) sesi soal jawab dan (iii) sesi kesimpulan.

Hasil Perbincangan Forum 'Political Freedom'

Forum ini bersifat lebih santai dengan pembicara yang berlainan pendirian dan perspektif. Saudari Atiqah Syairah sebagai Setiausaha Agung MBN adalah lebih pro ke arah neutral sebagai badan belia manakala saudara Azwan Omar lebih provokatif dan agak konservatif.

Sesi pusingan pertama

Bahagian ini disusun mengikut soalan yang diutarakan oleh moderator memandangkan setiap soalan adalah unik.

Soalan	Pembicara	Respon
Apakah kerajaan sudah membina platform untuk semua kelompok?	A t i q a h Syairah	Konsep-konsep yang disampaikan oleh kerajaan adalah masih subjektif. Contoh, sebuah hotel. Semua hendak sampaikan konsep yang baik, tapi tanpa segregasi dan perincian kepada pemegang taruh, contoh 8 kelompok sasar. Perlunya hubungan antara pakar di universiti dan lapangan.
Blok pembangkang yang kuat	Azwan Omar	Semasa PRU, it's really a people movement. Namun, dalam perubahan pemerintahan, memang perlukan naratif baru sebagai pembangkang. It took a year as an opposition. Memang secara semula jadi, mudah pembangkang boleh senang bersama, Piagam Nasional, daripada ICERD, Rome State. Semakin banyak kesilapan dibuat kerajaan, semakin kuat perhubungan pembangkang. Naratif ekuiti dan ekualiti ini yang perlu ditanyakan: siapa pula yang membawa kesamarataan? Piagam Muafakat Malaysia – kesaksamaan, ya, tetapi berdasarkan apa? Perkara 8 – everyone is not above the law. Perkara 3 ini bukan kesamarataan tetapi kesaksamaan. Keamanan dan kestabilan mula dipersoal – naratif Piagam Muafakat ini ditekankan. Peluang kemakmuran itu sentiasa ada, soal-soal perkauman ini 2014. Sudah ditanam lama.

Sesi soal jawab

Sesi kemudian disambung dengan sesi soal jawab. Bahagian ini disusun mengikut soalan dan respon setiap pembicara.

Amirul Akbar:

Kongres Melayu yang dilihat bersifat perkauman dan mungkin memberi naratif yang tidak sihat kepada negara.

- Respon saudari Atiqah: Beliau menegaskan dua hal: (i) pentingnya maqasid damai diperjelaskan bahawa di dalam Islam, naratif yang membawa kepada mesej ketakutan adalah tidak kena, dan (ii) pentingnya pendidikan damai untuk diperkenal melalui pendidikan. Pandangan sampingan diutarakan bagi menyokong misalnya, untuk Gagasan Pendidikan Damai diangkat bersama-sama dalam usaha ini; kempen Buy Muslim First juga disentuh di mana pada hemat beliau, kuantiti pembeli yang besar perlu ada untuk membangunkan rangkaian produk yang berkualiti dalam kalangan Muslim; antara lain, untuk isu yang agak kontroversi lain seperti one-school policy, beliau mempertanyakan sediakah kita hendak tinggalkan tahfiz? Namun, beliau bersetuju untuk adanya pembangkang yang kuat (justeru UMNO-PAS yang kuat) bagi memastikan semak-imbang dalam pemerintahan, namun, tidak harus dipermain sentimen perkauman yang menakut-nakutkan.
- Respon saudara Azwan: Beliau menekankan tiga hal, (i) latar Kongres Melayu tersebut yang mungkin disalah fahami – betapa niat Tun M satu bahawa itu peluang terakhir untuk bercakap di depan komuniti Melayu dan bahawa untuk melihat selama ini kerajaan gagal selama 62 tahun ini adalah tidak wajar – di mana, zaman Tun Razak dan Tun Hussein Onn tidaklah teruk, justeru membawa kepada poin kedua (ii) mesej ketakutan ini dilihat sebagai ancaman – di mana beliau mempertanyakan siapa yang membawa ancaman ini dan sejak bila? Ini dapat dilihat lebih panas sehinggalah semasa ICERD seolah Malaysia diancam perkauman yang sebenarnya mesej ini pada hematnya, ditanam beberapa lama dalam masyarakat, dan (iii) tentang pembangkang kuat dan perlunya menyedari bahawa perubahan sangat dekat dengan perubahan di peringkat perlembagaan. Pada hemat beliau, bentukkan majoriti dalam Parlimen untuk bawa perubahan yang lebih mudah berlaku. Antara hal sampingan lain, saudara Azwan bersetuju dengan *one-school policy* yang diungkit oleh saudari Atiqah.

Soalan daripada Nazreen:

Kenapa dalam politik Melayu senioriti mesti penting zaman ini memandangkan naratif baru politik Melayu sedang dibina kini yang sepatutnya dibawa oleh orang muda? Kenapa hala tuju itu ditentukan yang lebih tua?

- Respon saudara Azwan: Beliau menyebut bahawa dalam tradisi Melayu, perkara yang penting ialah adab. Dalam fasa transisi ini, sebelum tampuk pemerintahan lama ini memberi ruang kepada yang muda, haruslah dipimpin dengan baik yang muda terlebih dahulu. Beliau juga menyebut bahawa UMNO kini yang baru kalah sedang beradaptasi dengan perubahan itu.

- Atiqah Syairah: Beliau pula lebih melihat aspek yang lebih besar, tentang bagaimana hendak gerakkan semua ini dalam satu suara – isu umur memang signifikan, misalnya, pada hematnya kerana MBN sendiri terkesan dengan RUU 688 yang mengubah had umur belia kepada 30 tahun. Namun, dalam setiap fasa perubahan, akan lahir dua kelompok setiap kali penindasan berlaku: mangsa ditindas dan pembela. MBN disebut oleh beliau sebagai wakil pembela.

Soalan daripada Ain Nasieah tentang naratif Melayu terancam bahawa pasca PRU 14, model baru untuk segregasi perpaduan. Sejauh mana masyarakat perlu berintegrasi dan memberi hak kepada satu sama lain? Andai kaum India dan Cina sudah sedia 'blend' berbanding generasi terdahulu yang kental dengan mempertahankan identiti kaum sahaja, berapa banyak hak perlu diberi kepada mereka?

- Respon saudara Azwan: Menurut beliau, sebelum menyebut integrasi, beliau mewajarkan kita melihat kewajipan yang perlu dipenuhi sebelum menuntut hak. Beliau turut menyatakan bahawa soal Bumiputera ini tidak memberi kesan negatif dahulu, namun, kini ada mesej perkauman yang muncul saban hari – sekali lagi, beliau mempertanyakan, siapakah dan sejak bilakah ancaman ini ditanam?

Soalan sampingan daripada audiens tentang penutupan akhbar Utusan yang terbaru untuk mencerminkan keadaan Melayu turut ditanya.

- Respon saudara Atiqah: Pada beliau, apa yang dialami Utusan memang sedang dihadapi oleh industri percetakan dan buku yang menghadapi tekanan. Keadaan ini tidak selari dengan visi Malaysia sebagai kota buku dunia 2020, namun, pada beliau, tindakan adalah perlu digerakkan dalam meraikan kebebasan media ini.
- Respon saudara Azwan: Beliau menyebut bahawa Utusan itu sebagai jenama masih selamat. Justeru, pada hemat beliau, masih ada platform lain untuk membina semula jenama Utusan ini dan disalurkan bakat-bakat sedia ada di dalamnya.

Sesi kesimpulan

Sesi forum ini disimpulkan secara individu seperti di bawah:

- Saudara Azwan: Jika ada apa-apa yang diperlukan, boleh rujuk beliau dan GPMS Selangor.
- Saudari Atiqah: Lebih banyak dialog seperti ini diperlukan supaya suara-suara ini dapat diasimilasikan kerana jika tidak, lebih banyak ektrimisme berlaku.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil perkongsian dan perbincangan meja bulat ini, secara asasnya, LEAD Freedom Summit ini membicarakan banyak hal berkait dengan keadaan terkini masyarakat dan negara, khususnya pasca pembentangan belanjawan.

Sebagai tuntas pelaporan, berikut adalah beberapa poin utama yang diketengahkan dalam forum yang berjalan ini:

Forum ini lebih bersifat santai dan lebih kepada timbal balas, namun, antara poin utama yang diketengahkan oleh pembicara adalah pada soal perlunya kedamaian dalam membangun politik Malaysia, berbanding ketakutan, meski ditimbal balas oleh pembicara lain tentang mesej ancaman yang sebenarnya telah ditanam beberapa lama yang menyebabkan ada persepsi tidak sihat dalam masyarakat.

Tajuk Perbincangan:

Academic Freedom: The Meaning of Academic Freedom and It's Responsibility

Kebebasan Akademik: Makna kebebasan akademik serta tanggungjawab

Panelis:

1. Dr. Lai Suat Yen (GERAK)

2. Haziq Azfar (NYDP UM)

Objektif Perbincangan:

Pendidikan sering kali disebut sebagai agen pemangkin kepada perpaduan nasional. Namun, sering kali usaha kepada perpaduan nasional itu digunakan oleh sesetengah pihak untuk membawa kepada penyatuan identiti berbanding menghormati dan mengangkat nilai-nilai kepelbagaian. Sehingga, universiti seakan-akan berkonflik dengan permintaan politik dari pihak berkuasa dengan tugas mencambahkan wacana kritikal yang seimbang. Justeru, perbincangan ini menelusuri perbincangan makna dan tanggungjawab kebebasan akademik.

LAPORAN SEMASA SESI BERLANGSUNG

1. Idea utama daripada pembentang

Definisi kebebasan akademik.

a. Definisi kebebasan akademik berdasarkan pengesyoran UNESCO pada tahun 1997. Secara umumnya:

- kebebasan mengajar & berbincang tanpa sebarang halangan atau elemen indoktrinasi, malah perlu berdasarkan bukti serta fakta dan bukan bergantung kepada parti pemerintah.
- kebebasan untuk menjalankan penyelidikan dan menerbitkan hasil kajian
- kebebasan mengkritik sistem, polisi dan institusi tanpa tapisan institusi dan melalui perdebatan yang berasaskan fakta, kebenaran serta penghujahan dan bukan emosi.
- mempunyai hak bersuara dalam sistem pengurusan dan penggubalan polisi. Soal polisi seperti reformasi institusi pengajian tinggi perlu menimbang bukan saja suara ahli akademik malah para mahasiswa juga.
- kebebasan merangka program pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran
- kebebasan tadbir urus universiti daripada naungan politik

b. Definisi melalui lensa sejarah aktivisme mahasiswa yang berkait dengan kebebasan akademik. Ketika berlakunya pencerobohan Rusia terhadap

Czechoslovakia pada tahun 1968, terdapat seramai 100 orang mahasiswa yang telah turun berdemonstrasi pada awalnya. Mereka memprotes di depan pejabat Tun Abdul Razak yang merupakan Menteri Dalam Negeri ketika itu. Akibatnya, mahasiswa UM disembur dengan gas pemedih mata buat pertama kalinya oleh kerajaan yang ingin menghalang mahasiswa daripada mengemukakan pendirian mereka dalam isu pencerobohan itu. Ekoran daripada peristiwa itu, seramai 1500 orang mahasiswa pula telah turun berdemonstrasi bukan untuk isu pencerobohan Rusia ke atas Czechoslovakia, tetapi bagi mempertahankan hak mahasiswa untuk bersuara dan berdemonstrasi.

2. Cabaran yang dihadapi

Kini, dalam era 'Malaysia Baharu' ruang untuk mempraktikkan kebebasan sudah dibuka namun masih terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi. Berikut merupakan antara cabaran yang diketengahkan dalam konteks kebebasan akademik:

- a. Individu/Mahasiswa:** Walaupun ruang sudah dibuka, ideanya masih tak membumi sehingga ke akar umbi. Pandangan masih tidak boleh dikeluarkan tanpa kecaman/ancaman. Contohnya, jemputan aktivis Fahmi Reza untuk memberi ucapan tentang sejarah kesatuan pelajar di UM sempena minggu orientasi tidak diterima baik malah dicerca dan dimaki hamun oleh golongan mahasiswa sendiri. Malah, jemputan itu juga dilabel sebagai satu perbuatan menghina/mencemar institusi pendidikan oleh individu politik seperti saudara Farhan Khairuddin.
- b. Masyarakat:** Masyarakat masih kurang kritikal. Mereka tidak dapat membezakan lagi hak untuk bersuara dengan penghujahan substantif dan berkomen ikut suka hati. Mereka menyerang hak & kebebasan mahasiswa.
- c. Institut Pengajian Tinggi (IPT):** Sistem 'feudal' di mana mereka yang mempunyai kuasa sahaja boleh bersuara merupakan masalah utama IPT. Ini melahirkan para graduan yang sebahagian besar tidak berani bersuara dan tidak mempunyai pandangan kritikal kerana sistem yang menghimpit ruang untuk mengekspresi
- d. Media:** Laporan media yang memutar-belitkan kenyataan.

3. Cadangan dan rekomendasi

- a. Bagi memastikan ruang kebebasan akademik terus dipelihara, pemansuhan Akta AUKU perlu diikuti dengan pengenalan satu Akta baru yang akan mempertahankan kebebasan akademik secara keseluruhan dan bukan secara ad-hoc. Akta baru perlu digubal dengan menjaga kepentingan mahasiswa dan ahli akademik.
- b. Jalur penceritaan intelek perlu ditekankan oleh kerajaan semasa mengambil inisiatif berhubung dengan kebebasan, contohnya seperti dalam situasi ratifikasi ICERD.
- c. Tadbir urus IPT perlu bebas daripada naungan politik dan berdasarkan aspek meritokrasi.
- d. Pengajaran dan pembelajaran perlu fokus terhadap melahirkan graduan yang boleh berfikir dan membuat pertimbangan berasaskan fakta. Pengajaran tidak boleh mengdoctrinasikan satu pandangan sahaja.
- e. IPT perlu beranjak dari sistem 'feudal' dan membuka lebih ruang untuk mahasiswa mengekspresi dan memberi pandangan dan bukan melabel mereka sebagai tidak beradab jika mereka bersoal untuk melahirkan lebih ramai graduan yang berpermikiran kritikal.
- f. Ruang untuk bersuara yang telah dibuka perlu digunakan secara bertanggungjawab. Pandangan perlu diutarakan secara berhemah dan tidak bersifat rasis atau seksis.
- g. Konsep 'makmal hidup' di dalam kelas sejak peringkat sekolah lagi perlu dilaksanakan utk menerapkan nilai-nilai demokrasi, meritokrasi dan seterusnya membumikan budaya kebebasan akademik.
- h. Setiap orang perlu mengetahui hak-hak mereka seperti yang termakub dalam Artikel 5, Perlembagaan Persekutuan.

4. Soalan/ulasan daripada peserta

- a. **Han, UM: Terdapat kekangan untuk belajar atau mendalami isu seksualiti dan pornografi secara ilmiah pada peringkat PhD di IPT. Apa pandangan anda?**

Respons Dr.Lai: Sejauh mana kita boleh menapis elemen-elemen pornografi? Kanak-kanak berumur antara 11-14 tahun juga sudah terdedah kepada bahan-bahan pornografi yang mengandungi elemen tidak sihat seperti perempuan dipaksa untuk mengadakan perhubungan intim melalui WhatsApp dan sebagainya pada masa ini. Sewajarnya, pendidikan seksual perlu bagi membekalkan ilmu dan nilai-nilai sihat.

b. Hafiz, LEAD: Apakah langkah progresif yang boleh diambil untuk mengisi kekosongan dalam pemahaman demokrasi dalam kalangan pelajar.

Respons Haziq:

i) Walaupun kini ruang kebebasan akademik lebih terbuka dan memetik kata Menteri Pendidikan Maszlee Malik bukan seperti zaman BN, ramai golongan pelajar masih tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan kebebasan akademik. Nilai-nilai demokrasi perlu diterapkan sejak bangku sekolah lagi melalui proses dan pengalaman pemilihan ketua kelas atau pemimpin pelajar atas dasar meritokrasi misalnya. Pengajaran badan-badan eksekutif Negara di kelas tidak lagi relevan.

ii) Sukatan subjek sejarah perlu dirombakkan dan bukan dengan pengenalan subjek baru. Kita perlu mengetahui hak-hak yang diperuntukkan dalam perlembagaan. Elemen perlembagaan dan 'fundamental liberties' (kebebasan asasi) perlu diberi penekanan.

iii) Di peringkat universiti, banyak ruang perlu dibuka atau disediakan untuk mempraktikkan kebebasan. Pelajar universiti perlu dilayan seperti orang dewasa.

Respons Dr. Lai:

- i. Konsep pedagogi menggunakan falsafah pendidikan yang betul diperlukan.
- ii. Tempat pengajaran dan pembelajaran perlu menjadi makmal yang menghidupkan prinsip-prinsip demokrasi.

c. Hazim, USIM: Perbincangan kebebasan akademik tidak boleh lari daripada menyentuh konsep autonomi mahasiswa. Konsep ini pula boleh berubah mengikut masa dan keadaan. Apakah pengertian konsep autonomi mahasiswa yang selaras yang boleh dirujuk dalam konteks peredaran masa dan keadaan?

Respons Haziq:

Kebebasan persatuan seperti keupayaan untuk membuat keputusan meluluskan bajet aktiviti persatuan dan perihal menjaga hal-ehwal kebajikan mahasiswa perlu dibawah autonomi mahasiswa. Hal-hal ini merangkumi aspek 'design thinking' dalam perusahaan sosial atau *social enterprise* dan wajar dipulangkan semula kepada mahasiswa agar mereka mempunyai autonomi.

d. *Ika, menunggu posting perguruan:* Berdasarkan pengalaman saya, golongan pendidik sekali sudah rasis atau berpolarisasi mengikut parti politik yang mereka berpihak. Ini semestinya memberi impak terhadap pelajar-pelajar mereka. Bagaimana berubah sikap atau mentaliti golongan ini.

Respons Dr. Lai: Kita telah menyaksikan impak WhatsApp dalam membentuk landskap politik Negara atau berkaitan isu pendidikan. Teknologi boleh memainkan peranan dalam mengatasi masalah ini. Selain itu, penting untuk penubuhan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat untuk menilai kandungan mata pelajaran. Ini dapat menyumbang kepada kepelbagaian pendapat dan bukan hanya mencerminkan pandangan sesebuah parti pemerintah sahaja.

Kemakmuran Bersama: Mengapa dan Bagaimana

DAPATAN PERBINCANGAN SESI

Laporan ini memperincikan hasil dapatan hasil perbincangan dalam forum *Economic Freedom* iaitu *Shared Prosperity: Why and How* (Kemakmuran Bersama: Mengapa dan Bagaimana). Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut sesi: (i) sesi pusingan pertama, (ii) sesi soal jawab dan (iii) sesi kesimpulan.

Hasil Perbincangan Forum Economic Freedom

Sesi pusingan pertama

Semua soalan dalam forum ini ditanya secara individu kepada setiap pembicara melainkan soalan pertama dan kedua iaitu bagaimana WKB bermula dan kunci utama wawasan tersebut.

Bagaimana ia bermula?

Saudara Sharizal menyatakan bahawa sejak 2014 lagi, Institut Masa ini sudah bermula yang menumpukan kajian dasar kerajaan di mana beliau dan Nizam Mahshar membina NGO MTEM juga ditubuhkan oleh mereka berdua apabila naiknya isu TPPA di mana tiada keberhasilan sosio-ekonomi melalui hal itu. Seterusnya selepas PRU 14, beliau menyatakan bahawa misi ini berterusan iaitu untuk kekalkan ekonomi Bumiputera tanpa pihak lain terpinggir dan bukan sahaja daripada segi ekonomi, tetapi menyusun institusi penting negara untuk beri keadilan sosial dan jaringan keselamatan kepada masyarakat.

Puan Tengku Azela merespon bahawa Institut Masa ditubuhkan secara rasmi pada Disember 2018 untuk membangunkan naratif baru dan susun semula dokumen-dokumen yang berkaitan hal pembangunan tersebut. Pada sekitar Disember 2018 hingga April 2019, mereka telah bermula untuk *engage* pihak akademik dan industri. 9 Mei 2019 melihat idea Institut Masa ini disampaikan oleh Tun Mahathir semasa ulang tahun Pakatan Harapan. Seterusnya, merespon kepada pembinaan Rancangan Malaysia ke-12, mereka membangunkan latihan-latihan dan teras-teras yang dijalankan membawa kepada penyusunan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) ini. Sehingga Ogos 2019 apabila kertas dokumen WKB ini dibentang dan diluluskan pada 5 Oktober.

Kunci utama dalam WKB:

Sharizal merespon bahawa WKB bukan sahaja dokumen polisi ekonomi tetapi polisi negara di mana pada tahun 2030 tiada seorang pun warga Malaysia yang patut ketinggalan. Secara konsepnya, WKB membawa visi untuk setiap rakyat Malaysia yang mempunyai impian, dalam apa jua bentuk, akan kerajaan sedaya upaya memberi kemudahan dan bantuan demi merapatkan

jurang ekonomi dan sosial sedia ada. Menurutnya, hari ini GDP yang dilihat ukuran kemakmuran ekonomi sebenarnya hanya tertumpu di Lembah Klang dan membawa erti bahawa kawasan-kawasan kampung sebaliknya tidak terasa apa-apa kesan keuntungan. Kini, masih juga terdapat jurang antara pekerja dan syarikat di mana syarikat maju, tetapi pekerja masih di takuk gaji yang sama. Jadi melalui WKB, akan ada kerangka untuk menggalakkan pemberian gaji yang lebih kepada pekerja dan dilihat daripada belanjawan semalam, ada polisi-polisi yang telah sejajar dengan WKB ingin lakukan. Melalui WKB juga, akan ada program reformasi institusi-institusi penting seperti SPRM, sistem parlimen dan undang-undang, untuk memungkinkan kemakmuran bersama itu

Menurut Puan Tengku Azela pula, WKB ini sebenarnya secara konseptual memang agak tinggi dan memerlukan perincian. Misalnya pada soal taraf hidup yang wajar untuk dicapai dalam WKB – apa maksud ‘*decent*’ yang tertulis? Hal ini masih subjektif. Namun, idea dan konsepnya adalah di mana pemberian peluang itu perlu dilihat melangkaui hal yang nyata sahaja dan WKB memfokuskan kepada kesaksamaan keberhasilan walaupun berbeza sasaran (seperti beliau sebut, *finishing lines*).

Moderator turut bertanya tentang ekonomi gig dan keberhasilan melaluinya, di mana adakah WKB anjal dan ‘*robust*’ untuk mengadaptasi ekonomi kini yang serba tidak jelas.

Sharizal merespon bahawa industri baru memang tidak mampu dibayangkan tentang betapa pesatnya ia mampu membangun. Justeru, melalui tumpuan peluang ekonomi baru ini WKB merangkakan untuk memfokuskan kepada ekonomi tempatan dengan anugerah semula jadi (*natural endowment*) yang ada misalnya Sabah (pantai, hutan hijau, dan gunung) dan Semenanjung (selat, rangkaian cita makanan dan minuman yang luas, pantai laut yang menjajar). Memandangkan kini kita tiada kedaulatan tenaga dan makanan kerana masih banyak kita import daripada luar. Justeru, industri tenaga serba baru ini dirangka bawah WKB. Mereka mensasarkan untuk membina industri yang mampan dan kritikal yang boleh kita kuasai (makanan dan tenaga), serta, yang dapat mengadaptasi industri luar dengan pantas. Jadi, menurut beliau, melalui WKB ini, pendidikan adalah penting (TVET, reskill, upskill) untuk memampukan kita bersaing dan tenaga kerja mampu dibayar lebih kompetitif seiring mesin yang hebat.

Sabotaj ekonomi: bagaimana untuk tangani hal ini?

Puan Tengku Azela merespon bahawa sabotaj ekonomi berlaku sejak dahulu lagi di mana keberhasilan Bumiputera ke atas GDP agak kecil sedangkan sumbangan kewangan ke atas pembangunannya adalah besar. Beliau mempertanyakan ke mana hasil yang sepatutnya ini pergi sedangkan pelbagai program telah dilakukan. Justeru jika ketirisan berlaku dan akan menyebabkan negara ini melarat, hal ini adalah sabotaj yang sama nilainya dengan pengkhianatan dan perlu dihukum. Dalam WKB, ditekankan untuk menguatkan *check and balance*, dan reformasi MACC,

kehakiman dan undang-undang, serta kebebasan Dewan Rakyat, di mana perlu sering semak dan seimbang pihak eksekutif. WKB, menurutnya, justeru ingin memperkasa institusi-institusi ini.

Moderator turut bertanya tentang kenyataan Dr Yusof Shaari pada 6 Oktober 2019 bahawa WKB dilihat sebagai penjenamaan semula W2020. Seperti diperkatakan oleh Prof Madeline, *old wine new bottle*?

Puan Tengku Azela merespon bahawa WKB ini memang penerusan W2020 kerana dilihat badan pemegang amanah perlu diteruskan dengan sedikit ubah suai dengan keadaan semasa, ditambah dengan sabotaj ekonomi dan beberapa perkara lain. WKB akan dibangunkan dalam masa 10 bulan untuk dicairkan. Untuk itu WKB akan bekerjasama dengan NEA untuk dijadikan dokumen penuh dan dijajarkan dengan RMK12. Penjajaran ini sedang dibuat dan difahamkan akan dibentang pada Ogos 2020 dan dijajar dengan SDGs.

Sharizal memberi respon bahawa polisi kerajaan bertindak sebagai garis panduan, untuk memandu kapal besar sedang berdepan dengan ancaman di depan. Beliau memberikan analogi bahawa kapal ini berat dan boleh ubah arah sedikit-sedikit. Justeru kerana itu, selalunya polisi baru ditulis untuk tempoh yang tidak lama (10 – 25 tahun) dan melalui satu-satu fasa, dasar mana-mana pun tidak dapat dicapai sepenuhnya. Konteks setiap polisi juga berubah misalnya, sewaktu Dasar Ekonomi Baru, 60% ialah penduduk luar bandar tetapi kini keadaan berubah di mana 73% penduduk Malaysia tinggal di bandar. Namun, kini atau dahulu kemiskinan tetap ada dan masalah baru untuk B40, misalnya, perlu ditangani. WKB bukan dasar baru tetapi penyambung dasar-dasar lepas yang dibina untuk menjambatani jurang lepas. Perkataan makmur ini adalah sarat – bukan sekadar daripada segi ekonomi dan ia lebih holistik.

Moderator turut mempertanyakan bagaimana peranan pembuat dasar untuk menyampaikan WKB ke bawah terutama ke 6 negeri KDNK rendah, bagi memastikan visi ini difahami?

Kedua-dua pembicara merespon bahawa banyak kerja untuk laksanakan dasar dan untuk itu, penyelarasan sedang dibuat sekarang. Terdapat juga program pembangunan untuk pembantu-pembantu para ahli parlimen dan dilihat ruang untuk kolaborasi dengan Institut Masa dengan banyak pihak demi menerangkan hal ini lebih jauh.

Sesi soal jawab

Bahagian ini disusun dengan mengikut urutan soalan.

1) Ain Nasihah: Adakah WKB akan ambil kira jurang intra-kaum dan aspek gender dan umur (ageism)? Adakah WKB semasa *post mortem* dan *monitoring*, akan ambil kira indeks kemiskinan ikut kaum?

Respon oleh Puan Tengku Azela bahawa WKB adalah lebih daripada soal intra-kaum bahkan inter-kaum, rentas ekonomi dan sosial, justeru WKB dilihat dapat menjawab soal-soal itu semua. Manakala, saudara Sharizal merespon tentang indeks kemiskinan sedia ada bahawa memang WKB tidak bersetuju dengan indeks kemiskinan terkini melalui PLI (*Poverty Line Indeks*) dan hal ini tercermin dalam pembinaan WKB ini di mana WKB fokus *relative poverty*, yang mana akan memakai lebih banyak indikator dan merangkum multi-dimensi.

2) Durrah: Audiens bertanya tentang dua kali *affirmative action* (kenapa *affirmative action* yang dipilih) dan kemakmuran bersama ini sebagai sudut kepada Malaysia, apakah impaknya kepada pelaburan asing.

Soalan *affirmative action* direspon oleh Puan Tengku Azela *affirmative action* ini boleh jadi *double edge* tetapi untuk WKB ini, kita cuba holistikkan pendekatannya, di mana semua pihak akan ada respon masing-masing di bawah WKB. Naratif WKB ialah setiap rakyat Malaysia ada peluang masing-masing. Soalan ini direspon oleh Sharizal bahawa dalam kerangka WKB ini, pelaburan ke atas industri adalah penting jadi memang WKB ingin menyasarkan industri untuk menarik kedatangan pelabur asing ke atas industri yang tinggi nilai dan menambah nilai, berbanding sekarang yang mana pelaburan tinggi namun tiada menambah nilai kepada pekerja sendiri. Contoh yang diberi oleh saudara Sharizal, industri pembuatan cip oleh Intel yang dahulu dalam pasaran kecil tetapi kini industri tersebut sudah bernilai tinggi. Industri seperti ini yang ingin disasarkan.

3) Audiens turut bertanya tentang jaminan apabila bertukar perdana menteri, WKB sebagai visi ini tidak dimansuhkan? Kedua, audiens turut bertanya tentang angka GDP 4.1 itu yang tidak tepat?

Soalan ini direspon oleh Puan Tengku Azela bahawa memang tiada apa terjamin untuk kekal jika pucuk pimpinan bertukar, tetapi semasa WKB dibentang, semua pihak telah didekati dan dilihat WKB ini diterima dengan PH. Namun, beliau akui memang agak sayang jika tiada kesinambungan untuk WKB kalau bertukar pimpinan. Manakala, soal GDP direspon oleh Sharizal bahawa terdapat GDP yang dinyatakan ini adalah dicampur dengan inflasi, justeru memang angka tersebut akan dekat dengan angka 7%.

4) Audiens (bernama Han) memuji bahawa WKB agak baik dalam mempertahankan hak-hak minoriti, tetapi beliau merespon bahawa WKB dilihat agak kurang sejajar SD dan tiada polisi yang jelas untuk LGBT yang tidak dikenal pasti. Audiens mencadangkan untuk mencontohi Taiwan dalam aspek ini di mana bagaimana mereka meluluskan perkahwinan sama jenis.

Saudara Sharizal merespon bahawa Malaysia adalah negara yang agak terkedepan dalam hal ini sebenarnya di mana dalam soal wanita, misalnya, Malaysia ada jumlah ahli parlimen yang

tinggi berkhidmat, polisi untuk wanita kembali bekerja yang baik serta insentif bantuan untuk mereka; LGBT, meskipun topik ini agak mencabar dan agak sukar dibicarakan kerana norma masyarakat yang belum biasa membicarakannya, negara kita tidak bertindak untuk mendakwa dan memerangi golongan LGBT yang aktif di negara ini serta tidak pula bertindak menuntut untuk mereka bertukar agama atau memurtadkan. Pada beliau, Malaysia di tahap yang agak baik, meskipun masih ada ruang untuk ditambah lagi, namun membandingkan dengan Taiwan yang heterogenous agak kurang tidak kena dengan Malaysia.

Sesi kesimpulan

- a) Sharizal – Beliau mengakui bahawa kerangka WKB amat kompleks. Namun pada hemat beliau, idea WKB ini tiada yang bersalahan dengan mana-mana aspirasi kini justeru, wajarlah untuk kita perlu sokong dan rasa sebahagian daripadanya serta sama-sama menjadi semak-imbang untuknya.
- b) Tengku – Perkataan ‘makmur’ adalah perkataan yang holistik dan bukan sekadar soal ekonomi. Kejayaan yang diukur melalui spektrum ekonomi pada masa lampau dalam kerajaan adalah tidak holistik, jadi, WKB ini dilihat suatu yang perlu disambut dan dilaksanakan dengan baik kerana selalunya cabarannya pada melaksanakannya.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil perkongsian dan perbincangan meja bulat ini, secara asasnya, LEAD Freedom Summit ini membicarakan banyak hal berkaitan dengan keadaan terkini masyarakat dan negara, khususnya pasca pembentangan belanjawan.

Sebagai tuntas pelaporan, berikut adalah beberapa poin utama yang diketengahkan dalam forum yang berjalan:

Forum ini lebih memberi fokus kepada Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) memandangkan pembicara forum ini kedua-duanya terlibat dalam pembentukan WKB. Banyak pandangan yang diutarakan adalah dalam memperjelas WKB misalnya cita-cita WKB yang besar dalam memastikan kemakmuran ini holistik kepada semua tanpa mengira pencapaian akhir dan holistik bukan sahaja dalam bentuk ekonomi. Kebebasan ekonomi melalui WKB dilihat mampu dibawa dengan membangunkan industri kritikal yang mampu menambah nilai kepada pekerja dan masyarakat itu sendiri serta menggunakan sumber semula jadi negara, khususnya yang diutamakan dalam WKB, iaitu tenaga dan makanan.

LAPORAN SESI FORUM KEBEBASAN AGAMA

Tajuk Perbincangan:

Religious Freedom: Diversity in Society: Why it is important?

Kebebasan Agama: Kepelbagaian dalam masyarakat: Kepentingannya?

Panelis:

1. Dr. Fadzilah Din (UIA)
2. Mordi Dimol (Ahli Parlimen Mas Gading)

Objektif Perbincangan:

Kepelbagaian merupakan satu anugerah kepada masyarakat di dunia, apatah lagi di bumi Malaysia yang bertuah ini. Namun, sering kali kepelbagaian dijadikan senjata untuk memenangkan satu-satu pihak berbanding digunakan bagi tujuan menghormati dan menyantuni antara satu sama lain. Justeru, perbincangan ini membahaskan kepentingan kepelbagaian dan mempelajari pengalaman dari kelompok masyarakat yang berbeza dalam menangani isu-isu sosialisasi politik.

LAPORAN SEMASA SESI BERLANGSUNG

1. Idea utama daripada pembentang

a. Fabrik sosial Malaysia dan kepentingan kemajmukan masyarakat.

Di Malaysia rakyatnya memang berbilang kaum dan terdapat pelbagai agama, adat resam, tradisi dan budaya. Malah dalam konteks bumiputera sahaja terdapat pelbagai suku kaum seperti Bidayuh, Dayak, Dusun, Iban, dan Kadazan. Walaupun Malaysia terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, kemajmukan itu juga saling melengkapi masyarakat kita.

b. Implikasi kepelbagaian agama di Malaysia.

Sepatutnya kepelbagaian agama membawa kebaikan kepada orang ramai kerana semua agama mengajar kebaikan dan menyeru penganutnya untuk saling menghormati satu sama lain. Namun demikian, ketegangan kaum masih boleh diperhatikan.

2. Cabaran yang dihadapi
 - a. Pergelutan atau perjuangan kelas.
 - b. Masyarakat yang telah terlalu dimanjakan sehingga tiada usaha dalam kalangan mereka kerana sudah biasa disuap. Ramai juga mengharapkan untuk mendapatkan perkhidmatan atau bantuan secara percuma.
 - c. Tindakan afirmatif atau sistem kuota yang tidak lagi relevan.
 - d. Agama bukan lagi bersifat spiritual. Islam di Malaysia kini lebih kepada *tribal Islam* (Islam berpuak) dan bukan bersifat universal humanisme. Masing – masing membanding dan mahu menunjukkan agama mereka lebih bagus.
 - e. Agama menjadi alat politik. Isu agama kerap kali digunakan untuk kepentingan golongan tertentu dalam politik khususnya.
 - f. Amalan 'divide & conquer' yang dipraktikkan dalam politik.
 - g. Sikap hipokrit masyarakat yang mencaci ketidakadilan dan penindasan di luar negara seperti polisi Presiden Amerika Syarikat Donald Trump. Namun, menyokong polisi atau memberi usul yang berbaur perkauman di dalam negara seperti meminta jawatan tertinggi dalam pentadbiran kerajaan dikhususkan hanya kepada golongan Melayu.

3. Cadangan dan rekomendasi

- a. Rasa hormat kepada orang lain merupakan komponen penting dalam masyarakat majmuk. Kita memerlukan inisiatif untuk mengenali dan menghormati satu sama lain secara mendalam.
- b. Mengembangkan lingkungan kawan dan bergaul dengan kawan berbilang kaum dan bangsa.
- c. Belajar '*comparative religion*' dan kenali agama yang berlainan.
- d. Masalah agama dan etnik yang sering kali dipolitikkan boleh dihapuskan sekiranya negara beranjak ke arah menjadi sebuah negara lebih sekular. Perkara ini boleh dilihat awal lagi dalam sejarah Islam.

4. Soalan/ulasan daripada peserta

a) Leni, KBS: Sistem perkahwinan di Malaysia dibelenggu dengan masalah terutamanya yang melibatkan perkahwinan antara kaum atau *interfaith marriage*. Apakah langkah khusus yang boleh diambil bagi mengatasi isu ini.

Respons Modi: Sekarang kita boleh lihat kebebasan hanya untuk orang bukan Islam. Kita perlu bertanya sama ada orang atau masyarakat kita sudah bersedia untuk ini. Mungkin kita perlu menunggu 10 atau 20 tahun lagi untuk melihat sebarang perubahan

dari segi fikiran sebab sekarang perkara kecil seperti dalam hal palang Kristian pun sudah ramai yang mengelabah apa lagi kalau bercakap tentang soal perkahwinan antara kaum.

b) Iffa Farhana, UIA: Dalam Qur'an terdapat ayat-ayat seperti, 'Lakum Diinukum wa Liya Diin' dan 'Laa Ikraha Fiddeen' yang mengatakan kita tidak perlu paksa sesiapa untuk memeluk sesuatu agama, kenapa ada istilah 'murtad' dan adakah sebarang jenis hukuman yang dijatuhkan kepada golongan murtad?

Respons Dr. Fadzilah: Tiada ayat dalam Qur'an tentang kemurtadan. Malah ia mengatakan orang-orang yang beriman dan kemudiannya kafir, dan percaya lagi dan tidak lagi percaya dan seterusnya percaya lagi, dan tidak percaya lagi, tidak akan dipandu oleh Allah. Itu sahaja. Tiada arahan yang mengatakan untuk membunuh atau memburu mereka yang murtad. Malah, dalam '*collection of articles in comparative religions*' ketika saat kedatangan wahyu (*occasion of revelation*), ia jelas dikatakan tiada paksaan dalam agama, sungguh jelas antara kebenaran dan kesesatan. Kemurtadan telah disalahtafsir. Ketika itu, terdapat adik-beradik murtad yang dibunuh tetapi bukan disebabkan memeluk agama lain malah kerana kesalahan berpihak kepada pihak musuh. Sebab itu ada sahaja lelaki muslim yang berkahwin dengan perempuan kristian dan bukan seorang kafir. Isterinya tidak semestinya perlu memeluk agama Islam.

Hukuman yang ada hanya dikenakan terhadap golongan lelaki murtad yang hanya melakukan kesalahan dan bukan disebabkan murtad. Malah golongan wanita boleh murtad mengikut mazhab Shafie kerana ketika itu mereka tidak memegang sebarang jawatan tinggi atau penting yang boleh membawa ancaman sekiranya mereka murtad.